

UtusanTV

اوتوسن تي وي
UtusanTV

Skandal 1MDB mengajar pentingnya beri sokongan kepada audit dalaman – PM

Oleh **Azrul Hakimie Anuer** - September 9, 2025



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir ke Asian Confederation of Institutes of Internal Auditors (ACIIA) Conference di Kuala Lumpur, hari ini.

AUDIT dalaman bukan sekadar proses rutin, ia adalah teras kepada tatakelola yang baik dan pelindung kepada integriti perkhidmatan awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tanpa pemantauan yang telus dan bebas, risiko ketirisan, penyalahgunaan kuasa serta rasuah akan terus membelenggu sistem negara.

"Saya mulakan agenda hari ini dengan menyempurnakan pelancaran Persidangan Konfederasi Asia Institut Juruaudit Dalaman (ACIIA) 2025.

"Sejarah seperti skandal 1MDB dan krisis kewangan Asia mengajar kita betapa pentingnya memberi ruang dan sokongan kepada juruaudit dalaman untuk menjalankan tugas mereka tanpa gangguan," katanya menerusi hantaran di Facebook, hari ini.

Baca artikel lain: [3,850 pegawai perubatan terima tawaran lantikan tetap – Dr Dzulkefly](#)

Katanya lagi, kerajaan sentiasa fokus memperkukuh institusi-institusi audit antaranya pindaan pertama Akta Audit dan penubuhan Jawatankuasa Ketidakaturan Serious adalah keseriusan berkenaan.

"Tatakelola yang baik bukan beban, tetapi asas kepercayaan rakyat dan pelaburan jangka panjang kepada kestabilan negara.

"Audit dalaman ialah benteng utama dalam memastikan amanah ini ditunaikan dengan penuh integriti," katanya.

Jadikan UtusanTV 'shortcut' muka depan telefon anda!

Ikuti langkah ini:

Langkah 1: Layari utusan.com

Langkah 2: Klik pada logo UtusanTV di bahagian atas skrin

Langkah 3: Klik pada 3 titik di penjuru atas kanan (atau penjuru bawah kanan) telefon anda

Langkah 4: Klik 'Add to Homescreen'

Jangan lupa ikuti akaun media sosial kami

di [TikTok](#), [Facebook](#), [Twitter](#), [Instagram](#) & [Telegram](#)

Azrul Hakimie Anuer